

# Kita berpeluang tingkat dagangan dengan Arab Saudi

UM 22 OCT 1981  
SUBANG 21 Okt. — Malaysia mempunyai peluang meningkatkan hubungan dagangan dengan Arab Saudi memandangkan masih banyak ruang pelaburan yang belum diterokai di negara itu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang sempat mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli perniagaan Arab Saudi semasa di Riyadh berkata:

"Nampak jelas kita tidak begitu menumpu kepada Arab Saudi. Sedangkan di Riyadh saja ada empat juta orang dan penduduk Arab Saudi mencecah 43 juta.

"Kita nampak peluang untuk meningkatkan dagangan dengan Arab Saudi."

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sekembalinya dari lawatan selama seminggu ke India, Pakistan dan Arab Saudi di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini malam ini.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri serta timbalan menteri.

Dr. Mahathir turut berharap jutawan Arab Saudi seperti Syeikh Salleh Jamil yang sempat ditemuinya di sana dan dijangka menghadiri mesyuarat perbankan Islam di Kuala Lumpur bulan depan, berminat melabur di Malaysia.

Di Riyadh, Dr. Mahathir dan isteri turut menziarahi kembar siam Malaysia, Ahmad dan Muhammad Rosli, yang berjaya menjalani pembedahan pemisahan di King Fahd National Guard Hospital.

Perdana Menteri juga mengadap Raja Fahd dan mengadakan pertemuan dengan Putera Abdullah.

Terdahulu di New Delhi, Dr. Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Atal Bihari Vajpayee, selain berucap pada Sidang Kemuncak Perniagaan India-Asean.

Dalam lawatan Perdana Menteri di Pakistan pula, beliau mengadakan pertemuan dengan Presiden Pervez Musharraf selain merasmikan sebuah loji tenaga milik Tenaga Nasional Berhad (TNB).